

TOLAK ANSUR...

saling bantu
membantu apabila
ada kelapangan
di rumah.



Pahit mani

Tolak ansur jadi prasyarat utama layari bahtera

USIA bukan faktor penghalang untuk setiap pasangan lelaki dan wanita mendirikan rumah tangga.

Jika berkemampuan dan sanggup memikul tanggungjawab, ia boleh dilaksanakan sewajarnya meskipun usia masih muda. Bagaimanapun, mungkin

ramai yang kurang bersetuju dengan perkahwinan di usia muda kerana beranggapan masih terlalu awal untuk mereka memikul tanggungjawab bersama.

Ikuti pengalaman pasangan berkahwin muda seperti diceritakan kepada wartawan **Rosmaliana Aida Mohd Adnan** (rosmaliana@hmetro.com.my).

kedua-dua pihak mempunyai kerjaya tersendiri lantas bebanan yang ada makin bertambah.

Baginya, usah membawa masalah pejabat ke rumah sebaliknya luangkan masa berkualiti bersama untuk lebih mengeratkan perhubungan.

“Seelok-eloknya jangan pendamkan perasaan sebaliknya luahkan agar suami tahu bebanan yang ditanggung dan boleh berkongsi masalah terbabit,” katanya yang baru beberapa bulan mendirikan rumah tangga.

Bagi Mohd Shafiq pula, berkahwin pada usia muda membolehkan rasa tanggungjawab disemai seawal mungkin untuk mengelakkan pelbagai masalah sosial.

Bukan saja ia dapat menghalalkan sesuatu perhubungan, tetapi pada masa sama ia menerapkan keikhlasan dalam diri untuk berusaha menjadikan hubungan yang baru dibina itu berjaya.

Oleh itu, bertolak ansur adalah perkara pokok yang

FOKUS

Sebagai isteri, suami perlu didahulukan, oleh itu dalam segala hal minta izin daripadanya terlebih dulu bagi mengelakkan timbulnya syak wasangka.

“Bukan bermakna apabila sudah menjadi isteri, segala aktiviti yang dilakukan sebelum ini perlu dihentikan, tetapi ada had perlakuan yang perlu diketahui.

“Perkara ini tidak harus diambil mudah,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Laksamana, Batu Caves, Selangor, baru-baru ini.

Di samping itu, katanya, pembahagian masa juga penting memandangkan kini

BAGI Yasmin Yusof, 21, dan pasangannya, Mohd Shafiq Affendy Abu Sujak, 23, jodoh yang ditentukan Allah s.w.t pada usia muda diterima dengan hati terbuka.

Menurut Yasmin, berkahwin pada usia muda memerlukan pemahaman yang tidak berbelah antara kedua-dua pihak.

“Pasangan perlu memahami peranan yang dipikul untuk mengelak sebarang perselisihan.



S kahwin muda

rumah tangga



“

Sebagai isteri, suami perlu didahulukan, oleh itu dalam segala hal minta izin daripadanya terlebih dulu bagi mengelakkan timbulnya syak wasangka”

>Yasmin Yisof
Isteri

“

Biasanya pada hujung minggu saya membantunya mengemas rumah dan menggosok baju kerana sebelum ini pun aktiviti berkenaan dilakukan sendiri”

>Mohd Shafiq
Suami

perlu diperhatikan dalam kehidupan berumah-tangga terutama di kalangan pasangan muda.

Tidak dapat dinafikan, katanya, masing-masing mempunyai cara dan pandangan tersendiri dalam menyelesaikan sesuatu perkara, tetapi selepas mendirikan rumah tangga, perndapat pasangan perlu diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya.

Selain itu, katanya, jangan mudah mengambil kata putus yang berkemungkinan besar mengeruhkan lagi keadaan kerana ia boleh mengaki-batkan permasalahan lebih besar.

Kesabaran juga amat penting memandangkan perhubungan yang dibina bersama itu untuk jangka masa panjang, bukan sekadar terhenti di pertengahan jalan.

“Adakalanya ketegangan sering berlaku dalam rumah tangga, sehingga akhirnya mencetus kepada perselisihan faham. Secara tidak langsung ia boleh menyebabkan perceraian, tetapi banyak perkara boleh dilakukan untuk

mengelakkannya.

“Cuba bawa berbincang mengenai isu yang dibangkitkan, jangan terus menghukum ataupun mengambil kata putus kerana setiap perkara yang berlaku ada sebab musababnya.

“Sebagai suami, kita perlu matang dalam membuat keputusan. Jangan terlalu mengikutkan nafsu amarah kerana ia boleh merugikan diri sendiri,” katanya.

Malah, dalam perkahwinan, katanya, ia bukan bermakna menyerahkan segala tanggungjawab kepada isteri sebaliknya membantu isteri untuk meringankan beban ketika berada di rumah.

“Biasanya pada hujung minggu saya membantu”nya mengemas rumah dan menggosok baju kerana sebelum ini pun aktiviti berkenaan dilakukan sendiri.

“Jangan menambahkan beban kepada kerana ada banyak lagi perkara lain yang perlu dilakukannya. Fahami isteri kerana dia adalah cinta kita hingga ke akhirnya,” katanya.